

Stockholm

Bilangan senjata nuklear dunia dijangka meningkat dalam dekad akan datang selepas ia mencatatkan penurunan dalam tempoh 35 tahun kebelakangan ini.

Menurut laporan penyelidikan dari Institut Penyelidikan Keamanan Antarabangsa Stockholm (SIPRI), ketegangan global yang semakin memuncak khususnya perang yang dicetuskan Rusia di Ukraine antara faktor yang mempengaruhi persembajataan semula nuklear.

Laporan itu berkata, sembilan kuasa besar nuklear iaitu Britain, China, Perancis, India, Israel, Korea Utara, Pakistan, Amerika Syarikat (AS) dan Rusia mempunyai 12,705 kepala peledak nuklear pada awal tahun ini dengan jumlah itu menunjukkan pengurangan sekitar 375 berbanding pada tahun sebelumnya.

Jumlah itu menurun daripada paras tertinggi iaitu lebih 70,000 direkodkan pada tahun 1986 susulan AS dan Russia secara beransur-ansur mengurangkan

MASA DEPAN DALAM BAHAYA

Bilangan senjata nuklear dijangka meningkat dalam sedekad mendatang

Harian Metro (14/6/22) Page 24

kempen persenjataan mereka yang dibangunkan ketika Perang Dingin.

Menurut institut berkenaan, Rusia kekal sebagai gergasi nuklear terbesar dunia dengan 5,977 kepala peledak pada awal tahun ini manakala AS pula memiliki 5,428 kepala peledak diikuti China dengan 350 kepala peledak diikuti Pe-

rancis sebanyak 290, Britain (225), Pakistan (165), India (160) dan Israel (90).

Pada awal tahun ini, lima anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang juga kuasa senjata nuklear - Britain, China, Perancis, Rusia dan AS - mengeluarkan kenyataan bersama

bahawa 'perang nuklear tidak boleh dimenangi dan tidak boleh dilawan.'

Bagaimanapun, laporan SIPRI berkata, semua lima negara itu terus mengemban atau memodenkan senjata nuklear masing-masing dan meningkatkan kepentingan senjata nuklear dalam strategi ketenteraan mereka.